

JAN 2024 / BIL. 10 / 2024

EON

Epitome of Nature

K E S I H A T A N D A N K E S E J A H T E R A A N



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



KISAH PERJUANGAN CEKAL MELAWAN KANSER: EDISI NORSHAMSINA DAUD

Nurliyana Mohamad, Norshamsina Daud
Pusat Pengajian Biologi, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Makmal Teknologi Makanan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

mnliyana@uitm.edu.my

EDITOR: DR. NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Ruangan EON Inspirasi edisi ke 10 kali ini membawa penampilan istimewa dari balik dinding makmal UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, iaitu Puan Norshamsina Binti Daud. Lebih mesra dikenali sebagai Puan Sham, beliau berasal dari Seri Menanti, Negeri Sembilan dan merupakan satu-satunya anak perempuan daripada lima orang adik beradik.

Seperti lembaran buku terbuka, penulis dan pembaca diajak menelusuri detik-detik manis dan pahit yang melintasi kehidupannya.

Puan Shamsina memulakan karier pekerjaan di Fakulti Perubatan, UiTM pada tahun 2003.

Mengimbau kenangan sewaktu sebelum mendapat tawaran bekerja di UiTM, Puan Sham selepas tamat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) telah melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara diri dan keluarga termasuklah menjadi pengajar tuisyen,

pembantu kedai makan dan kantin sekolah. Puan Sham ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi namun hasrat dipendam kerana faktor kewangan keluarga. Semasa bekerja, beliau ditakdirkan bertemu dengan seorang kenalan yang memberitahu tentang kekosongan jawatan pembantu makmal di UiTM.

Walaupun persaingan sangat sengit, Puan Sham berjaya dalam temuduga dan ditawarkan jawatan sebagai pembantu makmal di Fakulti Perubatan yang pada waktu itu bertempat di Jalan Othman, Petaling Jaya. Bermula dari bawah dan tiada pengalaman,



Puan Sham mendapat banyak peluang untuk belajar dalam pelbagai cabang bidang perubatan sehinggalah Fakulti Perubatan dipindahkan ke kampus Shah Alam.

Beberapa tahun selepas itu, Puan Sham mendapat khabar duka daripada kampung. Ayah Puan Sham jatuh sakit dan memerlukan penjagaan yang lebih rapi. Puan Sham mempunyai pilihan sama ada untuk kekal bekerja di UiTM Shah Alam dan dalam masa yang sama beliau juga mendapat tawaran kenaikan pangkat sebagai penolong pegawai sains atau bertukar ke kampus Kuala Pilah sebagai pembantu makmal. Akhirnya Puan Sham nekad memilih untuk pulang ke kampung untuk menjaga ayahnya yang sedang sakit dan selepas 3 bulan ayah beliau telah pergi menghadap Ilahi.



Gambar 1: Antara ahli keluarga yang sentiasa berada bersama Puan Sham pada saat beliau susah dan senang. Puan Sham bersama arwah ibu (kiri). Puan Sham bersama suami dan anak-anak (kanan)

Dugaan bertimpa timpa. Selepas satu ujian, satu ujian lain pula yang datang

Puan Sham berpindah ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah pada tahun 2010 sewaktu sarat mengandungan anak pertama. Puan Sham juga merupakan antara staf terawal yang terlibat dalam pembangunan makmal di kampus ini. Dengan penuh gelak tawa Puan Sham bercerita kepada penulis tentang pelbagai pengalaman detik awal berada di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kuala Pilah.

Pada tahun 2012, beliau diduga dengan kelahiran anak kedua yang lahir secara pra matang. Pada waktu itu, keadaan Puan Sham dan bayi sangat kritikal dan perlu pembedahan segera. Alhamdulillah dengan berkat doa suami, ibu, ahli keluarga dan kawan-kawan, beliau selamat menjalani pembedahan dan keadaan beliau dan bayi stabil selepas rawatan.

Sekali lagi Puan Sham diuji dengan ujian yang berat pada tahun 2016. Setelah melahirkan anak ketiga, beliau menyedari bahawa terdapat benjolan kecil di atas payudara kanan. Beliau tidak mengalami sebarang rasa sakit namun beliau menyedari benjolan itu semakin membesar sehingga sebesar saiz telur itik. Atas gesaan suami, Puan Sham ke hospital untuk membuat pemeriksaan lanjut. Hasil biopsi pada awalnya mendapati ketulan itu adalah ketulan susu.



Gambar 2: Puan Sham bersama kumpulan Cancer Fighter Malaysia

“Kenapa nak fikir stage berapa? Kena fikir boleh sihat sahaja!”

Sudah semestinya Puan Sham menarik nafas lega. Namun begitu, gerak hati Puan Sham mengatakan ada sesuatu yang lebih serius sedang berlaku terhadap dirinya.

Puan Sham tanpa berleengah meminta pihak hospital melakukan pemeriksaan kedua. Dan hasil pemeriksaan kedua memberikan keputusan yang semestinya sangat mengejutkan Puan Sham dan keluarga.

“Puan telah disahkan menghidap kanser payudara tahap tiga”

“Kenapa nak fikir stage berapa? Kena fikir boleh sihat sahaja!”

Puan Sham tidak langsung menanggapi berita ini. Air mata beliau telah kering kerana dalam masa yang sama beliau telah diuji dengan kehilangan abang kedua beliau yang telah

kembali ke rahmatullah tiga hari sebelum itu. Sebelum bercuti panjang untuk menjalani rawatan, Puan Sham telah pastikan semua tugas beliau di kampus telah selesai dibuat dan kerja-kerja yang belum selesai telah diagihkan kepada staf lain yang akan menggantikan beliau. Puan Sham tidak mahu menyusahkan mana-mana orang lain.

“Puan Sham adalah seorang yang sangat tabah dan bertanggungjawab” kata yang banyak kali terdetik dalam hati penulis.

Dalam usaha mendapatkan konsultasi dan rawatan yang terbaik, Puan Sham telah pergi ke banyak pusat perubatan moden dan Islam di seluruh ceruk Malaysia atas cadangan kawan-kawan. Akhirnya, Puan Sham memilih untuk menerima rawatan di Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara. Di sana, Puan Sham menjalani enam kitaran kimoterapi. Selepas tiga kitaran, beliau menjalani pembedahan untuk

membuang ketulan yang semakin mengecil dan kemudiannya menghabiskan baki tiga lagi kitaran kimoterapi. Puan Sham juga sempat menasihatkan bahawa penting untuk menghabiskan semua kitaran kimoterapi supaya semua sel kanser telah dihapuskan.

Perancangan ilahi memiliki hikmah yang sukar diduga. Ibu kepada tiga anak ini menyatakan ada hikmah di sebalik ujian kesakitan yang beliau hadapi. Cuti barah yang diambil telah membenarkan beliau menjaga ibunya yang uzur. Di sebalik kesakitan yang dihadapi semasa menjalani rawatan kimoterapi, Puan Sham telah diberikan kekuatan luar biasa oleh Allah SWT untuk menjaga ibunya yang tidak lagi mampu untuk menguruskan diri sendiri. Walaupun diminta untuk berehat sepenuhnya, Puan Sham tidak betah untuk duduk diam. Beliau telah mencabar diri untuk mengambil tempahan kuih raya semasa sedang menerima rawatan!

“Akak dengan kakak ipar ambil upah buat biskut raya juga. Buat benda yang kita suka supaya kita tak fikir sangat benda yang negatif” ujar Puan Sham sambil ketawa.

Apabila ditanya tentang sumber kekuatan sewaktu sakit, Puan Sham menjawab “family saya memberi support yang tinggi”. Sepanjang perjalanan melawan kanser, suami Puan Sham menjadi supporter yang paling hebat dan sentiasa berada di sisi Puan Sham di saat beliau

sedih atau gembira malah suaminya turut membelikan oven untuk Puan Sham menyiapkan tempahan kuih raya.

“Kanser bukan tiket untuk mati. Sebab mati itu pasti”

“Kanser bukan tiket untuk mati”

Puan Sham berpendapat bahawa perubatan Islam dan moden perlu seiring dalam mengubati penyakit kanser. Selain sokongan daripada ahli keluarga, pesakit kanser juga digalakkan untuk menyertai Cancer Support Group untuk mendapatkan lebih banyak sokongan.

“Banyakkan beribadah dan dekatkan diri dengan Allah. Amalkan bersedekah dan minta mereka doakan supaya kita diberikan kesembuhan” ujar Puan Sham lagi bila ditanya tentang amalan-amalan yang dilakukan beliau semasa dalam proses rawatan.

“Paling penting buat perkara yang menggembirakan diri. Jangan stres kan diri. Akur dan ikhlas dengan takdir. Jika kita rasa apa yang kita alami ni teruk, lagi ramai orang yang dapat ujian yang lebih teruk” sambung beliau lagi. Puan Sham turut berpegang kepada

“Allah tidak akan menguji dan mengizinkan sesuatu benda berlaku pada kita kalau Allah tahu kita tak mampu hadapi perkara itu”.

Menghampiri penghujung sesi temubual penulis bersama Puan Sham, beliau memberitahu penulis yang beliau rindu kepada momen lalu – bukan meminta untuk kembali berada dalam momen kesakitan tapi rindu pada momen di mana beliau paling dekat dengan Allah tanpa gangguan hal keduniaan.

Pada tahun 2018, Puan Sham kembali berkhidmat di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah dengan semangat yang baru. Sehingga kini, beliau masih aktif menyertai kumpulan sokongan kanser untuk membantu pesakit kanser yang lain. Beliau juga pernah dijemput sebagai penceramah forum untuk berkongsi pengalaman sebagai cancer survivor. Semua ini dilakukan dengan harapan yang beliau dapat memberi secebis harapan dan semangat kepada pesakit kanser atau ahli keluarga pesakit.